

**KOMUNIKASI ANTARA GURU DAN MURID DALAM
PENGAJARAN PENULISAN BAHASA MELAYU**

ZURIDA BINTI ABDUL MANAN

**KERTAS PROJEK INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT UNTUK PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2007**

PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

6 April 2007

ZURIDA BINTI ABDUL MANAN

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya saya diberi kudrat dan tenaga untuk menyiapkan kajian ini bagi melengkapkan kajian Kertas Projek BMP 6006, pada masa yang ditetapkan. Ketika dalam proses melaksanakannya, saya telah mendapat bantuan, kerjasama serta tunjuk ajar yang sangat berharga daripada pelbagai pihak. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ini juga saya tujukan kepada Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Bahasa, Universiti Sultan Idris, Tanjung Malim, iaitu En Idris Bin Mohd Radzi. Beliau tidak pernah jemu memberi dorongan, bimbingan, pelbagai panduan, nasihat dan tunjuk ajar yang amat banyak. Saya amat terharu dan sekali lagi menyampaikan penghargaan ikhlas ini kepadanya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pengetua Sekolah Menengah Bukit Sentosa, Pn. Hajah Maimunah Binti Nazarene yang sangat memahami akan kesukaran yang saya hadapi semasa menyiapkan tugas ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kerjasama sehingga lengkapnya kertas projek ini. Selain beliau, terima kasih juga saya ucapkan kepada Pn. Zarina Abdul Rahman, guru Penolong Kanan I, Sekolah Menengah Bukit Sentosa, Rawang. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih saya kepada Pn. Norima Abdul Rahman yang telah memberi sokongan moral dan material semasa saya dalam proses melengkapkan kertas projek ini.

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan buat suami saya yang tercinta kerana amat memahami dan juga sering memberi kata-kata semangat dan dorongan agar saya menyiapkan kajian ini. Kepada anak saya Norsyakirah, mama harap jadikan ini sebagai pendorong pada kejayaanmu pada masa akan datang. Sesungguhnya menuntut ilmu itu tidak pernah ada hadnya dan faktor usia bukanlah menjadi penghalang. Semoga Allah saja yang akan memberikan rahmat dan hidayah kepada sekelian insan yang menyumbangkan tenaga sama ada yang saya sebutkan atau yang tidak saya sebutkan di sini. Wassallam.

ABSTRAK

Kajian ini meneliti perspektif komunikasi dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu di dalam kelas tingkatan 5 Aset di sebuah sekolah menengah. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti keberkesanan komunikasi antara guru dan murid dalam pengajaran penulisan. Selain itu, kajian ini dilaksanakan semasa proses pengajaran berlangsung di dalam bilik darjah dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Seramai 6 orang responden telah dipilih untuk ditemu bual. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, temubual dan rakaman audio sebagai alat pengumpulan data. Penganalisisan data dibuat semasa dan selepas temu bual dijalankan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa komunikasi dalam pengajaran penulisan dipengaruhi oleh ketiga-tiga elemen pemboleh ubah yang disebutkan iaitu pemerhatian, temu bual dan rakaman audio selain pengalaman mengajar.

ABSTRACT

This research details the communication perspectives in the teaching of writing in the Bahasa Melayu subject in Form 5 Aset class in a secondary school. The purpose of this research is to identify the effectiveness of communication between teachers and students in the teaching of writing. Besides that, this research is carried out during the teaching and learning process in the classroom using case studies. Six respondents were chosen for the interview. The researcher uses observation, interview and audio recording for data collection. Data analysis is done during and after interview sessions.

Research findings suggest that communication in the teaching of writing is influenced by three variables, observation, interview and audio recording besides teaching experience.



KANDUNGAN

Muka Surat


PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAJADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1	Pengenalan
1.1	Latar Belakang Kajian 1
1.2	Pernyataan Masalah 4
1.3	Tujuan Kajian 6
1.4	Soalan kajian 6
1.5	Kepentingan kajian 7
1.5.1	Guru matapelajaran Bahasa Melayu 9
1.5.2	Kaunselor 10
1.5.3	Panitia Bahasa Melayu 10
1.5.4	Sekolah 10
1.6	Batasan kajian 10
1.7	Definisi Istilah 11
1.7.1	Komunikasi 12
1.7.2	Pengajaran Penulisan 12
BAB II	TINJAUAN LITERATUR
2.1	Pengenalan 16
2.2	Pandangan Sarjana Tentang Komunikasi 17
2.3	Jenis-jenis Komunikasi 20
2.3.1	Komunikasi Intrapersonal 21
2.3.2	Komunikasi Interpersonal 21
2.3.3	Komunikasi Kumpulan Kecil 22
2.3.4	Komunikasi Awam/Khalayak 22
2.3.5	Arah Komunikasi 23
2.4	Model-model Komunikasi 23
2.4.1	Model Komunikasi Lasswell 23

2.4.2	Model Shannon Weaver	25
2.4.3	Model Komunikasi Kemanusiaan	27
2.4.4	Model Komunikasi Schramn Pertama	29
2.4.5	Model Komunikasi Schramn Kedua	29
2.4.6	Model Komunikasi Schramn Ketiga	31
2.4.7	Model Komunikasi Interpersonal	32
2.5	Model-model tentang Proses Pengajaran	34
2.6	Komunikasi dalam Proses Pengajaran	36
2.7	Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	38
2.8	Komunikasi antara Guru dan Murid dalam Pengajaran Penulisan	40
2.9	Proses Pengajaran	45
2.9.1	Teori Pembelajaran Behaviouris	45
2.9.2	Teori Pembelajaran Kognitif	50
2.9.3	Teori Pembelajaran Humanistik	53
2.9.4	Teori Pembelajaran Sosial	54
2.10	Ringkasan	57
BAB III	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	59
3.1	Reka bentuk Kajian	59
3.2	Responden Kajian	60
3.2.1	Norshamsiah Mohd Azim	60
3.2.2	Mohd Hashim Bin Hassan	61
3.2.3	Ng Boon Kee	61
3.2.4	Prasadh a/l Nageswaran	62
3.2.5	Nurulaini Binti Zabri	62
3.2.6	Nurul Hidayah Binti Azman	62
3.3	Alat Kajian	63
3.4	Prosidur Pengumpulan Data	63
3.4.1	Pengajaran Penulisan Kreatif	65
3.5	Prosedur Penganalisisan Data	69
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	70
4.1	Dapatan Kajian	70
4.1.1	Secara Keseluruhan	70
4.2	Bahan Bantu Belajar	72
4.2.1	Kesesuaian Bahan Bantu Belajar	72
4.2.2	Keberkesanan Penggunaan Kamus	75
4.3	Strategi Penyampaian Guru	78
4.3.1	Kesesuaian Tajuk Karangan	78
4.3.2	Keberkesanan Soalan-soalan Guru	80
4.3.3	Keberkesanan Aktiviti Perbincangan Berkumpulan	81

4.3.4	Rasional Pelajar Bersetuju Sebahagian Karangan Disiapkan Di rumah	84
4.4	Penyampaian Guru	86
4.4.1	Keberkesanan Penggunaan Bahasa Dalam Pengajaran Penulisan	86
4.4.2	Penerapan Peribahasa Dalam Pengajaran Penulisan	89
4.5	Pemahaman Pelajar terhadap Catatan-catatan Guru	93
4.6	Kesimpulan Dapatan Kajian	98
4.6.1	Kesesuaian Bahan Bantu Belajar	98
4.6.2	Strategi Penyampaian Guru	100
4.6.3	Penyampaian Guru	103
4.6.4	Pemahaman Murid terhadap Catatan Guru	105
BAB V	RUMUSAN	
5.0	Pengenalan	107
5.1	Perbincangan	108
5.1.1	Bahan Bantu Belajar	108
5.1.2	Strategi Penyampaian Guru	110
5.1.3	Penyampaian	112
5.1.4	Catatan dan Penilaian	113
5.2	Cadangan	114
SENARAI RUJUKAN		117
LAMPIRAN		119
Lampiran I	Surat Pengesahan Pascasiswazah UPSI I	119
Lampiran II	Surat Pengesahan Pascasiswazah UPSI II	120
Lampiran III	Surat Kebenaran Mengadakan Kajian SMK Bukit Sentosa, Rawang	121
Lampiran IV	Transkrip Temu bual dengan responden	122
Lampiran V	Contoh Latihan Penulisan Murid – Karangan Berpandu.	126
Lampiran VI	Contoh Latihan Penulisan Murid – Karangan Biasa	128

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
4.1	Maklum Balas Terhadap Soalan-soalan yang Berkaitan Komunikasi antara Guru dan Murid dalam Pengajaran Penulisan	72



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Model Komunikasi Shannon dan Weaver	26
2.2	Model Komunikasi Kemanusiaan (Model Simetri Newcomb)	27
2.3	Model Komunikasi Schramn I	29
2.4	Model Komunikasi Schramn II	30
2.5	Model Komunikasi Schramn III	32
2.6	Model Komunikasi Interpersonal	33
2.7	Model Komunikasi Robert Glaser	36
2.8	Komponen Proses Pengajaran	37

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Komunikasi antara individu atau kelompok merupakan keperluan dan berlaku pada setiap hari. Hal ini kerana kita sentiasa berkomunikasi antara satu dengan lain. Komunikasi bertujuan untuk bertukar-tukar idea, menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran, dan juga berkongsi maklumat serta idea dengan orang lain. Dalam konteks negara kita, bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan digunakan sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan dan juga bahasa ilmu. Justeru, komunikasi dalam bahasa Melayu amat penting dan sering digunakan dalam aktiviti lisan dan penulisan.

Dalam kehidupan seharian, kita tidak dapat mengelakkan diri kita daripada berkomunikasi dengan orang lain sama ada untuk menyampaikan perasaan, kehendak, pengetahuan, pendapat atau seumpamanya. Komunikasi mungkin berlaku dalam bentuk lisan atau penulisan. Hubungan secara bertulis banyak dilakukan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti urusan surat-menyurat dengan rakan-rakan yang tidak dapat dihubungi

secara lisan dan surat-menyurat untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan (Ab. Rahman dan Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt 1998).

Selain itu komunikasi juga berperanan besar dalam proses menyebarkan maklumat. Jadi, tepatlah bahawa komunikasi juga digunakan dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu dan berperanan sebagai agen yang mengubah tingkah laku pelajar agar dapat menambah maklumat atau ilmu dalam bidang penulisan Bahasa Melayu. Mendidik dan mengajar mementingkan kedua-dua pihak, iaitu penyampai dan penerima maklumat untuk memastikan fungsi komunikasi lisan dan penulisan dalam bidang pendidikan tercapai.

Kejayaan dan fungsi komunikasi dalam bidang penulisan Bahasa Melayu bergantung pada sejauhmana pengetahuan individu itu bertambah hasil daripada komunikasi antara murid dan guru dalam pengajaran penulisan di dalam bilik darjah.

Pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu memerlukan kemahiran guru, khususnya dalam proses dan tindak balas bahan yang disampaikan dalam pengajaran di bilik darjah. Oleh sebab itu, guru seharusnya mahir melaksanakan proses pengajaran, pengetahuan dan kemahiran. Peningkatan kebolehan komunikasi murid dalam penulisan hanya akan berlaku sekiranya mereka terlibat secara langsung dan mendalam dalam suasana pembelajaran yang menggalakkan pertumbuhan kebolehan penulisan mereka (Roselan Baki, 2003).

Dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu, guru perlu mengetahui status pengajaran penulisan, menyusun strategi agar seluruh komunikasi antara mereka berkesan dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan lebih bermakna. Menurut Azman Wan Cik (1986), pengajaran yang

dilaksanakan secara sewenang-wenangnya kurang mampu membina keupayaan berbahasa yang tinggi dalam kalangan pelajar, terutamanya dalam kemahiran berkomunikasi. Oleh yang demikian, kepentingan komunikasi lisan dalam pelajaran penulisan di dalam bilik darjah penting kerana keadaan ini akan mempengaruhi prestasi pelajar di pusat pengajian tinggi dan juga prestasi pelajar dalam bidang kerjaya dan kemasyarakatan. Kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar terutama dalam bidang penulisan Bahasa Melayu, wajar dibentuk dan diperkembang agar pelajar lebih berupaya menangani keperluan latihan penulisan. Selain itu kepentingan komunikasi dalam proses pembelajaran dan menduduki peperiksaan umum serta dalam bidang kerjaya dan kemasyarakatan pada masa hadapan tidak boleh diketepikan.

Keperluan kemahiran komunikasi dalam penulisan dan lisan ini juga saling melengkapi dan berkait rapat. Hal ini juga memungkinkan pelajar menguasai dengan lebih berkesan komunikasi dalam penulisan. Contohnya, penulisan yang berkaitan dengan surat-menyurat, laporan lawatan, laporan kertas kerja, laporan minit mesyuarat, wawancara, pidato, perbahasan, perbincangan, penulisan kreatif dan sebagainya. Kesimpulannya, untuk menghasilkan pelajar dan masyarakat yang ingin mencapai kemajuan, sebagai guru, kita perlulah memupuk kemahiran berkomunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Bahasa Melayu .

Meskipun pada hakikatnya, kemahiran di bidang penulisan ini merangkumi aspek yang luas namun penguasaan komunikasi dalam bidang penulisan Bahasa Melayu merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah, 2004). Hal ini penting dan perlu dititikberatkan. Kemahiran menulis memang penting dan tidak lari daripada penekanan pada tiga aspek

kemahiran lain iaitu, mendengar, bertutur membaca dan menulis kerana kemahiran tersebut saling melengkapi. Penulisan merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid kerana sering digunakan dalam urusan rasmi.

Kemahiran di bidang penulisan juga melibatkan pemahaman pelajar dan penggunaan kemahiran berfikir serta berkomunikasi lisan antara guru dan murid yang berlaku di dalam bilik darjah. Selain itu, ada faktor lain yang perlu dibuat penelitian, iaitu pemilihan kata-kata yang tepat dan sesuai, bertepatan dengan makna dan idea yang hendak disampaikan. Faktor pengolahan isi yang sesuai, struktur ayat yang baik dan tidak mengelirukan pembaca juga penting untuk memahirkan individu dalam bidang penulisan. Gaya penulisan yang bertenaga, format yang sesuai juga penting bagi menghasilkan sebuah hasil penulisan yang bermutu, serta memperlihatkan unsur-unsur pertautan, kejelasan dan kesatuan. Dalam kertas projek ini, persoalan yang akan difokuskan ialah komunikasi antara guru dan murid dalam pengajaran penulisan bagi pelajar tingkatan 5 di salah sebuah sekolah menengah dalam daerah Hulu Selangor.

1.2 Pernyataan Masalah

Komunikasi dalam bidang penulisan antara guru dan murid kerap kali gagal menghasilkan matlamat yang diharapkan, lantaran matlamat yang dibentuk kurang bertepatan dengan pengajaran yang dilakukan dalam bilik darjah. Menurut Sillman dan Wilkinson (1994) kegagalan menggambarkan bahawa guru tidak mengajarkan kemahiran-kemahiran literasi secara seimbang dan menggunakan penggabungan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Jika kemahiran bahasa diajar secara terpisah-pisah, hasil pembelajaran tidak akan berkesan.

Raphael dan Hibert (1992), Higgins, Flower dan Petraglia (1992), menegaskan bahawa penulisan adalah kemahiran literasi aras tinggi yang memerlukan manipulasi kognitif yang ekstensif dan mendalam. Kemahiran penulisan bukan sekadar berbentuk fizikal tetapi ia turut berbentuk emosional, psikologis dan sosial.

Untuk memenuhi skop yang luas lagi kompleks itu, proses pengajaran penulisan perlu melibatkan seluruh kemahiran penulisan. Selain itu, kemahiran penulisan diajarkan secara sistematis untuk membina keupayaan penulisan secara beransur-ansur dan lebih berkesan.

Catatan pembetulan yang dibuat oleh guru di dalam buku latihan, hanyalah sebagai komen yang berkaitan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam latihan penulisan. Selain itu ada juga masalah persekitaran dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan emosi pelajar. Contohnya, catatan yang dibuat kerana kegagalan pelajar menyiapkan karangan, isi karangan yang terpesong daripada tajuk, komen tentang bentuk tulisan yang terlalu sukar dibaca dan sebagainya yang banyak memberikan maklum balas positif kepada pelajar. Jadi mereka dapat memperbaiki kesalahan dan kekurangan yang ada dari semasa ke semasa.

Di sini pengkaji dapat melihat bahawa komunikasi dalam penulisan khususnya karangan bukan sahaja merupakan kemahiran aras tinggi yang patut dikuasai oleh pelajar malahan mereka perlukan penguasaan kemahiran lisan juga kerana kemahiran tersebut berperanan membantu kemahiran penulisan. Menurut *Speech dalam The Encyclopedia of Britannica (1990)* manusia terlebih dahulu menguasai komunikasi lisan, iaitu lebih kurang sejuta tahun dahulu manakala komunikasi penulisan yang terawal menurutnya lagi, hanya wujud lima ribu tahun dahulu.

Menurut Comrie (1987) terdapat lebih kurang empat ribu bahasa di dunia tetapi hanya lima peratus sahaja yang ada sistem tulisan asli. Ini bermakna kemahiran penulisan masih kurang dikuasai oleh sebahagian besar manusia di dunia ini berbanding dengan kemahiran lisan.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan komunikasi antara murid dan guru dalam penulisan karangan bagi murid tingkatan 5 di salah sebuah sekolah menengah harian di Hulu Selangor.

1.4 Soalan Kajian

Untuk memenuhi tujuan di atas, pengkaji menyenaraikan soalan kajian di bawah untuk dijawab. Soalan tersebut dibahagikan kepada empat kelompok besar seperti di bawah:

A) Bahan Bantu Belajar

- i) Adakah bahan bantu belajar yang digunakan oleh guru bersesuaian dan dapat membantu murid menulis karangan ?
- ii) Sejauhmanakah penggunaan kamus semasa pengajaran guru dapat membantu murid menambah kosa kata dalam pembelajaran penulisan atau karangan?

B) Strategi Penyampaian Guru

- i) Adakah tajuk yang dibincang menimbulkan minat murid untuk mengarang?
- ii) Adakah soalan-soalan guru dapat membantu murid mencungkil idea yang bernas untuk mendapatkan isi yang mantap?
- iii) Adakah aktiviti perbincangan berkumpulan membantu murid menyediakan

rangka karangan dengan sistematik?

- iv) Bersetujukah murid, sebahagian daripada karangan disiapkan di rumah?

D) Penyampaian Guru

- i) Adakah bahasa yang digunakan oleh guru dalam komunikasi di bilik darjah berkesan dan membantu murid menulis karangan dengan baik?
- ii) Sejauhmana pemahaman murid terhadap penerapan dan penggunaan peribahasa dalam pengajaran penulisan?

E) Pemahaman Murid terhadap Catatan-catatan Guru dalam Buku Latihan Penulisan

- i) Adakah murid memahami catatan-catatan yang dibuat oleh guru dalam buku latihan penulisan ?

1.5 Kepentingan Kajian

Keberkesanan komunikasi antara murid dengan guru dalam kemahiran menulis karangan sangat penting kerana selain menitikberatkan komunikasi intrapersonal, pihak murid dapat mengenal pasti kelemahan mereka dalam bidang penulisan dan dapat mengatasi masalah yang berkaitan dan seterusnya memperbaiki mutu penulisan karangan mereka. Selain itu, penulisan karangan telah menggunakan format baharu bermula dari tahun 2002 berdasarkan Pekeliling Pindaan dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah bagi Sukatan Pelajaran Tingkatan 5. Jadi, dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia yang bermula dari tahun 2002 terdapat satu lagi soalan karangan yang wajib dijawab oleh pelajar . Soalan tersebut adalah karangan berpandu dan dimasukkan di bahagian A dalam Kertas Bahasa Melayu I. Bagi peperiksaan penulisan karangan

peruntukan markah yang diberi ialah sebanyak 130 bagi dua buah karangan, iaitu 30 bagi Karangan A dan 100 bagi Karangan B.

Selain itu, guru juga perlu peka dengan keadaan persekitaran dan emosi pelajar yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kemahiran menulis karangan kerana faktor tersebut sering diabaikan dan tidak diambil kira. Golongan remaja bukan sahaja bersifat sensitif malah mereka mudah menghadapi kecelaruan fikiran. Oleh yang demikian guru-guru sepatutnya menitikberatkan kemahiran berfikir dan berkomunikasi dalam proses pengajaran. Kajian ini juga dibuat untuk kemaslahatan pelajar dan guru selain untuk peningkatan kemahiran penulisan karangan dan peningkatan pencapaian gred mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Huraian yang berikut memaparkan pihak-pihak yang relevan dengan kajian ini :

1.6 Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Hasil kajian ini boleh membantu guru Bahasa Melayu agar lebih peka apabila berkomunikasi dengan murid dalam penulisan khususnya karangan. Guru-guru Bahasa Melayu juga diharapkan dapat menarik minat pelajar agar menumpukan perhatian untuk menulis karangan yang bermutu. Guru boleh menggunakan pelbagai pendekatan saintifik untuk memahirkan mereka. Berdasarkan kajian ini pengkaji berharap akan dapat mengenal pasti masalah dan cara penyelesaiannya dengan tepat serta dapat membantu meningkatkan kemahiran murid berkomunikasi dengan guru dalam pengajaran penulisan dan meningkatkan prestasi murid dalam penulisan karangan.

1.6.1 Kaunselor

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu kaunselor menyusun pendekatan yang sesuai bagi menangani masalah komunikasi antara guru dan murid dalam bidang penulisan. Di sinilah kaunselor berperanan menggunakan pendekatan saintifik bagi meringankan bebanan perasaan yang dialami oleh pelajar dalam komunikasi antara murid dan guru. Kaunselor dapat membantu mereka meningkatkan keyakinan diri setelah mengetahui punca-punca kelemahan mereka. Hal ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi dan kemahiran mereka dalam latihan penulisan di dalam kelas dan membantu mereka mendapat gred yang baik dalam peperiksaan Bahasa Melayu.

1.6.2 Panitia Bahasa Melayu

Selain bermanfaat kepada murid, kajian yang dibuat memungkinkan pengkaji membantu pihak Panitia Bahasa Melayu agar lebih peka dan sedar akan masalah komunikasi antara guru dan murid dalam bidang penulisan. Pihak Panitia Bahasa Melayu dapat menggunakan kajian ini sebagai panduan bagi menyusun pelbagai strategi untuk membantu mengatasi masalah komunikasi dalam bidang penulisan karangan. Ketua Panitia Bahasa Melayu boleh melibatkan semua guru Bahasa Melayu di bawah naungannya untuk membantu meningkatkan prestasi penulisan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Banyak aktiviti yang sesuai dan berkesan di dalam bilik darjah boleh dicadangkan, dipelbagaikan dan dipraktikkan. Aktiviti yang disusun oleh pihak panitia boleh dibuat sama ada di peringkat dalaman atau luaran. Pihak panitia juga boleh menawarkan pelbagai ganjaran sebagai insentif bagi menarik minat pelajar dalam bidang penulisan di peringkat sekolah dan di peringkat yang lebih tinggi.

1.6.3 Sekolah

Sekolah dapat menjadikan hasil kajian tentang komunikasi dalam bidang penulisan ini sebagai satu cara menggerakkan minda warga sekolah agar menyedari kepentingan komunikasi antara guru dan murid dalam bidang penulisan yang menjadi teras kepada pencapaian pelajar dalam hampir keseluruhan mata pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Pihak sekolah juga boleh menyusun pelbagai strategi dan rancangan yang lebih relevan untuk meningkatkan prestasi dalam komunikasi bertulis dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Selain itu pihak sekolah patut menitikberatkan juga aktiviti di luar bilik darjah sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan peringkat kebangsaan, contohnya menggalakkan guru menganjurkan peraduan mengarang, perbahasan, pidato, pesta pantun, kuiz dan sebagainya yang dapat memupuk minat pelajar dalam kemahiran menulis bermula daripada peringkat sekolah.

1.7 Batasan Kajian

Kajian tentang komunikasi antara guru dan murid dalam bidang penulisan Bahasa Melayu ini terbatas kepada komunikasi antara guru dan murid dalam pengajaran penulisan karangan murid tingkatan 5. Kajian yang dibuat ke atas responden yang melibatkan murid di sebuah bilik darjah. Kajian ini dibuat sewaktu guru mengajarkan mata pelajaran karangan. Guru mengajarkan penulisan karangan menggunakan langkah-langkah pengajaran yang biasa dilakukan di dalam bilik darjah. Di sinilah berlakunya komunikasi antara guru dan murid sewaktu proses pengajaran penulisan dijalankan hingga ke peringkat akhir, iaitu bahagian penilaian yang melibatkan latihan menulis sebahagian daripada karangan di dalam kelas.

Murid tingkatan lima yang dijadikan sebagai responden kajian ini seramai 6 orang dan terdiri daripada 3 orang murid berbangsa Melayu, seorang murid India dan 1 orang murid berbangsa Cina. Keenam-enam responden mempunyai 3 tahap kebolehan yang berbeza, iaitu 3 orang responden yang tahap pencapaian mereka baik, 2 orang responden yang tergolong dalam kategori sederhana dan seorang yang sederhana lemah.

Kajian ini dilakukan di salah sebuah sekolah menengah di daerah Hulu Selangor, iaitu merupakan sekolah tempat pengkaji mengajar. Pelajar-pelajar yang dijadikan responden pula ialah pelajar dari kelas pengkaji sendiri dan pengkaji mengajarkan subjek Bahasa Melayu. Calon yang telah dipilih merupakan calon yang menawarkan diri secara sukarela dan difikirkan sesuai agar hasil kajian lebih tepat.

1.8 Definisi Istilah

Pengkaji telah menggunakan beberapa istilah dalam penulisan dan definisi yang paling tepat diberi bagi memudahkan pemahaman dan pembacaan serta untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekeliruan.

1.7.1 Komunikasi

Komunikasi dari segi istilah menurut Hamdan Abbas (1993) berasal daripada perkataan Latin ‘communiatus’ yang bermaksud berkongsi sesuatu. Jadi apabila kita berkomunikasi bermakna kita berkongsi idea atau maklumat dengan orang yang kita berinteraksi.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2006) memberi maksud komunikasi sebagai perhubungan secara langsung atau dengan menggunakan perantara seperti surat, radio, telefon dan lain-lain.

Dalam kajian ini, pengkaji fokuskan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepada proses pemindahan maklumat, idea dan sikap daripada pemikiran individu, iaitu seorang guru kepada murid. Guru berperanan sebagai penyampai maklumat kepada individu yang lain, iaitu murid di dalam sebuah bilik darjah. Proses pemindahan maklumat ini berlaku secara berterusan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran penulisan serta ada maklum balas atau perubahan tingkah laku dalam kalangan murid.

1.7.2 Pengajaran Penulisan

Pengajaran penulisan menurut Roselan Baki (2003) adalah, proses memberi pengetahuan, iaitu maklumat, fakta dan strategi mengarang kepada pelajar, atau proses menyampaikan ilmu kepada pelajar. Ia juga merupakan latihan supaya pelajar dapat menggunakan fakta dan kemahiran penulisan yang diajarkan dalam karangan mereka. Oleh sebab itu, guru perlu mempunyai keupayaan dan kemahiran mengajar yang tinggi agar mereka dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan dan menyeluruh dalam penulisan.

Dalam kajian ini istilah pengajaran penulisan bermaksud keperluan memberikan maklumat dan pengetahuan kepada murid kerana biasanya mereka kurang ilmu pengetahuan, maklumat dan pengalaman secara bertulis. Proses penyampaian maklumat ini melibatkan komunikasi antara guru dan murid menggunakan empat kemahiran secara serentak, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Roselan Baki (2003) menekankan bahawa proses penulisan ialah penciptaan yang lebih bersifat individual. Dengan itu, pelajar harus mendisiplinkan diri kerana 'penulisan memerlukan pemusatan dan ketenangan fikiran'. Dari segi perlaksanaan kandungan

dalam pengajaran penulisan, menurutnya, guru telah bersepakat bahawa pengajaran penulisan perlu dibahagikan kepada tiga fokus utama, iaitu bahagian pengenalan, isi kandungan dan penutup.



BAB 11

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan melibatkan komunikasi dan interaksi antara guru dengan murid. Justeru, pendidikan merupakan suatu proses penerimaan atau penyebaran maklumat, ilmu dan budaya yang berlaku secara langsung atau tidak langsung. Pendidikan juga mempengaruhi perkembangan fizikal, mental serta rohani manusia sehingga manusia mencapai keserasian dalam hidup dan perlu berinteraksi dengan individu dan masyarakat serta alam.

Proses pendidikan sama ada formal atau tidak formal melibatkan komunikasi antara individu secara berterusan yang melibatkan perlakuan individu setiap hari sama ada berbentuk pertuturan, penulisan atau penyelidikan. Menurut Roslan Baki (2003) komunikasi dalam bidang penulisan berkait rapat dengan kemahiran lain dalam pengajaran Bahasa Melayu, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Walaupun komunikasi dalam bidang penulisan menjadi fokus kajian yang dibuat oleh pengkaji, keempat-empat kemahiran yang dinyatakan itu perlu dikuasai oleh murid. Sekiranya kesemua kemahiran tersebut dikuasai, maka semakin berkesanlah komunikasi dalam bidang pengajaran penulisan.

Bahan kajian secara ilmiah tentang komunikasi antara guru dan murid tingkatan 5 dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu, amat terhad bilangannya untuk dijadikan sebagai rujukan. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, pengkaji akan menetengahkan pelbagai pendapat para pengkaji terdahulu yang telah dijadikan sebagai sumber rujukan. Bahan kajian dan penulisan pengkaji-pengkaji terdahulu tentang komunikasi telah banyak